



SEBAHAGIAN pelajar kursus FHR3601 melakukan kerja-kerja mencantas pokok di Zoo Negara, Kuala Lumpur baru-baru ini.



SELAIN haiwan, Zoo Negara juga mempunyai peagai spesies tumbuhan termasuk herba yang ditanam bagi tujuan pelidikan dan hiasan.



LATIHAN amali memberi peluang kepada pelajar untuk mempraktikkan teori yang telah dipelajari di dalam kuliah.



di Sabah.

# Pelajar UPM timba ilmu selenggarataman di Zoo Negara

**RENTAK**  
kampus

**T**UGAS menyelenggara taman bukanlah suatu yang mudah. Seperti juga kerjaya yang lain, tugas tersebut memerlukan individu yang terlibat memiliki kepakaran yang berkaitan. Sebagai persediaan menjejaki alam pekerjaan selepas menamatkan pengajian nanti, seramai 34 pelajar tahun dua program Ijazah Sarjana Muda Sains Taman Dan Rekreasi dari Universiti Putra Malaysia (UPM) telah melakukan latihan amali bagi memahirkan diri dengan tugas berkenaan. Latihan tersebut yang diadakan di Taman Herba Zoo Negara, Kuala Lumpur baru-baru ini melibatkan latihan mempraktikkan teori yang

telah dipelajari di dalam kuliah menerusi kursus FHR3601 iaitu Operasi dan Penyelenggaraan Taman seperti kerja-kerja merumput, mengembur tanah, mencantas dahan dan ranting serta membersihkan kawasan taman. Penyelaras program, Dr. Nor Akmar Abdul Aziz berkata, latihan amali itu dilaksanakan bagi memberi peluang kepada para pelajar untuk menggunakan peralatan selain merasai pengalaman melakukan tugas penyelenggaraan taman dengan betul. "Saya suka memberikan pengalaman sebenar kepada pelajar agar mereka dapat lihat dan merasai sendiri suasana sebenar yang mereka akan hadapi apabila bekerja kelak.

"Amali sebegini akan membuatkan mereka tahu bagaimana hendak mengurus pekerja dan kawasan taman," katanya. Beliau yang juga pensyarah di Jabatan Rekreasi dan Ekopelancongan, Fakulti Perhutanan dan Rekreasi UPM berkata, kursus itu menekankan mengenai teori berkaitan pengurusan rumput, teknik pemangkasan, penggunaan bahan kimia, senggaraan peralatan dan liabiliti orang awam selain pengurusan hubungan awam. Justeru katanya, latihan amali yang dijalankan di Zoo Negara itu sangat penting bagi membolehkan para

pelajarnya mempraktikkan segala teori yang telah dipelajari di dalam kuliah dengan melakukan seneci tugas-tugas penyelenggaraan di taman. Di pada itu, Ketua Bahagian Pendidikan Zoo-Negara, Junaidi Omar berkata, pihaknya sangat menaruhkan kehadiran kumpulan pelajar terbabit bagi tujuan pembelajaran selai mengutip pengalaman menjadi petugas penyelenggaraan taman. "Apabila melakukan sendiri tugas-tugas tersebut, mereka akan memperoleh pengalaman yang boleh



NOR AKMAR

digunakan pada masa akan datang. "Walaupun asasnya adalah sama, tetapi setiap taman mempunyai pokok dan landskap yang berbeza. Oleh itu, kerja-kerja penyelenggaranya juga mungkin sedikit berbeza antara satu taman dengan taman yang lain. "Sebab itulah, teori dan pengalaman sangat penting bagi memastikan kerja-kerja tersebut berjalan dengan lancar," katanya. Dalam latihan amali yang berjalan selama hampir tiga jam itu, para pelajar juga didedahkan kepada kepelbagaian spesies tumbuhan herba yang ditanam di sekitar zoo berkenaan dengan bantuan Ketua Jabatan Taman Dan Landskap Negara, Muhammad Ismail.

Sementara itu, seorang pelajar, Lee Yee Shian, 22, berkata, dia sangat gembira apabila diberi peluang melakukan latihan amali di Zoo Negara sekali gus melakukan kerja-kerja sukarelawan dengan membantu petugas zoo menyelenggara taman di situ. "Pengalaman sebagai sukarelawan melalui latihan amali ini sangat bagus kerana saya dapat melibatkan diri untuk mengendalikan serta melakukan penyelenggaraan dengan cara yang betul. "Saya berharap agar diberi lebih banyak peluang seperti ini pada masa hadapan bagi membolehkan saya dan pelajar lain menimba ilmu di lapangan sebenar," katanya.

sukarelawan dia dengan lebih dekat budaya, kulineri dan tat setempat. "Sahaja kita mampu tu orang ramai melalui program sukarelawan dapat mengenali budaya, makanan lipun masyarakat. "itu, kita juga ag untuk mengetahui destinasi pelancongan rasian pedalaman yang rnah dijejaki selama menuntut di UIAM jana Sains Politik di sukarelawan dengan lebih luas dan kesukaran hidup. an sentiasa yang terbaik setiap gram-program

**INFO Jelajah BIKUM**

- Menupakan program kedua anjuran BIKUM
- Melibatkan seramai 200 sukarelawan
- Menggunakan sebanyak 35 kenderaan pacuan empat roda
- Meliputi 21 lokasi di seluruh negara kecuali Perlis dan Sarawak
- Menyasarkan seramai 300,000 penerima



JUNAIDI (depan) memberi penerangan kepada pelajar UPM sebelum mereka melakukan kerja-kerja penyelenggaraan di Taman Herba Zoo Negara.



KAKITANGAN Zoo Negara dan para pelajar UPM bergambar selepas tamat program latihan amali.



PELAJAR turut diajar kaedah melabel nama pokok.

## an bantuan

itu, Shamsul Anuar memberitahu, beliau bangga dengan semangat dan disiplin yang ditunjukkan golongan berkenaan. "Kita sengaja melibatkan golongan ini kerana mahu melihat sendiri keadaan masyarakat di sekeliling dan mengutip pengalaman daripadanya. "Sebagai contoh pasukan perubatan BIKUM yang terdiri daripada golongan muda berpeluang mengasah kemahiran dan ilmu yang dipelajari menerusi khidmat yang diberikan kepada masyarakat," katanya.